

R B862 DEB
TINGKAT - PM

1985

ALOR SETAR, 7 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA USAHA-USAHA PERLU DIPERTINGKATKAN UNTUK MEMANFAATKAN SUMBER-SUMBER TEMPATAN SEPERTI BULUH, ROTAN DAN KAYU YANG BANYAK TERDAPAT DI NEGARA INI YANG TERBIAR BEGITU SAHAJA DI KAWASAN LUAR BANDAR.

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA BAHAN-BAHAN ITU BOLEH DIJADIKAN BARANG-BARANG YANG DAPAT MENDATANGKAN HASIL YANG TINGGI MELALUI PENGGUNAAN TEKNOLOGI MODEN.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN DALAM PERUTUSAN UNTUK BUKU CENDERAMATA KEMPEN PENINGKATAN DAYA PENGELUARAN ANJURAN KEMENTERIAN KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH YANG AKAN DILANCARKANNYA DI KAMPUNG BERJAYA, JENIANG 80 KM DARIPADA SINI KHAMIS INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PENINGKATAN DAYA PENGELUARAN NEGARA PERLU DISEDARI OLEH SEMUA PIHAK TANPA MENGIRA KAUM PETANI, PENEROKA, PEKEBUN KECIL ATAU MEREKA YANG DIPERTANGGUNGJAWABKAN MENGENAI PERANCANGAN DAN PERLAKSANAAN.

WALAU PUN NEGARA TELAH MENCAPAI BANYAK KEJAYAAN DALAM USAHA MENINGKATKAN TARAF HIDUP RAKYAT, MASIH BANYAK LAGI YANG HARUS DIUSAHA DAN DIBERI TUMPUAN UNTUK MENINGKATKAN LAGI KEMAJUAN EKONOMI NEGARA, KATANYA. -- LAGI .

1205MST 07 05 85

TINGKAT - PM 2 ALOR SETAR

MENURUTNYA, USAHA-USAHA JUGA HENDAKLAH DILAKUKAN UNTUK MENGGUNAKAN TANAH SECARA LEBIH BERKESAN SELAIN MENINGKATKAN PENGGUNAAN TENAGA MANUSIA SEPENUHNYA BAGI MEMPEROLEHI PENDAPATAN YANG MAKSIMUM BUKAN SAHAJA BAGI DIRI SENDIRI MALAH UNTUK FAEDAH NEGARA.

MENTERI KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH DATUK SERI ADIB ADAM PULA BERKATA KEMPEN ITU DILANCARKAN SEBAGAI MENYAHUT SERUAN PEMIMPIN-PEMIMPIN NEGARA TENTANG PENTINGNYA DITINGKATKAN DAYA PENGELUARAN NEGARA.

DENGAN PENINGKATAN DAYA PENGELUARAN, BELIAU BERKATA, SEMUA PIHAK AKAN SAMA-SAMA MENIKMATI MANFAAT DARIPADA PENINGKATAN HASIL PENDAPATAN YANG TINGGI SELAIN MEMPERTINGKATKAN KEMAKMURAN NEGARA.

KEMPEN ITU DIHARAP AKAN MENCETUSKAN KESEDARAN DI KALANGAN SEMUA PIHAK YANG TERBABIT DALAM USAHA PEMBANGUNAN TANAH DAN WILAYAH UNTUK MENINGKATKAN DAYA PENGELUARAN MASING-MASING BAGI MENCAPAI MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU DAN DASAR PERTANIAN NEGARA. -- BERNAMA.

1207MST 07 05 85